

MAJLIS PENGANUGERAHAN AHLI KEHORMAT DAN PENYAMPAIAN SIJIL

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2943-majlis-penganugerahan-ahli-kehormat-dan-penyampaian-sijil

INSMAT, 22 Jan 18 – Satu Majlis Penganugerahan Ahli Kehormat MIPMM dan Penyampaian Sijil Kursus anjuran MTU-SISMAT dengan kerjasama MIPMM telah diadakan di Auditorium INSMAT.

Majlis ini telah dihadiri oleh AKS Materiel, YBhg Brig Jen Dato' Dr. Hj Mohd Yunus bin Masjuki TUDM, Presiden MIPMM Mr. CL Yang, Pengarah Materiel, YBhg Kol Shuairi bin Abdullah TUDM, turut serta Pegawai-pegawai Kanan Materiel, Pegawai Memerintah INSMAT, Dekan dan Pensyarah UITM mewakili MIPMM.

Dalam majlis ini, YBhg Dato' AKS Materiel telah dipilih sebagai penerima Ahli Kehormat MIPMM berdasarkan pencapaian serta kecemerlangan dalam bidang akademik dan kerjaya serta sumbangan yang diberi terutamanya dalam bidang Logistik. Penganugerahan Ahli Kehormat telah disempurnakan oleh Presiden MIPMM.

Kursus yang telah dilaksanakan iaitu Certified Logistik Management, Certified Procurement Professional dan Certified Warehouse Management merupakan program dibawah program 1 Malaysia Globally Recognised Industry and Professional (1m GRIP) diadakan di INSMAT pada tahun 2017. Penyampaian sijil juga telah disempurnakan oleh Presiden MIPMM.

